

Perpustakaan peribadi semarak budaya membaca

Dunia menyaksikan beberapa peristiwa bahawa buku mempunyai peranan penting dalam mencipta dan merangsang perkembangan intelektual sesebuah masyarakat lalu membentuk tamadun manusia. Sebagai contoh, ketika penaklukan Kota Baghdad, tentera Mongol yang dipimpin Hulagu memusnahkan perpustakaan agung Baitul Hikmah yang kaya dengan khazanah ilmu pengetahuan sehinggalah Sungai Tigris bertukar menjadi hitam akibat banyaknya buku dibakar lalu dibuang.

Di Jerman pula, tanggal 6 April 1993 menyaksikan segolongan mahasiswa di bawah rejim Nazi melancarkan 'Biblioclasm' bagi menghapuskan buku yang kononnya disifatkan anti-Jerman

agar tidak tersebar pengaruh berkenaan.

Jelas bahawa buku berperanan membenihkan budaya pemikiran kritis dari segi politik, falsafah dan sosioekonomi sesebuah masyarakat. Kita dapati ilmuwan terdahulu sangat minat membaca. Mereka menghabiskan masa menelaah dan mengkaji sesuatu ilmu. Hakikatnya, buku sentiasa disamping mereka sehingga terbawa ke bilik tidur.

Buku sebagai teman

Seharusnya masyarakat menjadikan buku sebagai teman berdamping ibarat isi dan kuku. Tidak rugi sekiranya membeli buku dan memilikinya, bahkan mampu menjadi teladan dan bimbingan serta keuntungan dalam mengutip ilmu.

Pada asasnya, ilmu tidak bersama kerehatan. Ini bermakna proses menuntut ilmu memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan harta. Kebanyakan ilmuwan berjaya kerana pengorbanan yang dilakukan. Contohnya, Ibnu Battuta yang sanggup belayar menjelajah ke pelusuk dunia hanya untuk mendapatkan ilmu. Ini menunjukkan daya usaha dan kesungguhan Ibnu Battuta dalam menuntut ilmu.

Membaca adalah kaedah pantas dalam memperoleh ilmu dan fakta. Secara tidak langsung, membaca juga mampu memperkukuh perbendaharaan kata dan penguasaan linguistik pembaca. Kesannya, dapat melatih kefasihan berbicara serta menambah fakta baharu dan melengkapi fakta sedia ada.

Dalam menyemarakkan lagi budaya membaca, mempunyai perpustakaan peribadi di rumah adalah satu idea yang sangat menarik bagi pencinta ilmu. Ia juga sebagai gambaran kedudukan seseorang yang sangat mencintai ilmu. Tidak hairanlah sekiranya ilmuwan dunia sebahagiannya mempunyai koleksi buku peribadi di satu ruang khusus di rumah mereka.

Kongsi manfaat bersama


Terpulang kepada kreativiti individu menyediakan ruang khusus untuk buku. Secara tidak langsung, ini mampu mendorong serta menggalakkan ahli keluarga membaca. Bahkan, saudara-mara yang datang berkunjung juga berkongsi manfaat bersama.

Masyarakat kita sepatutnya

menjadikan kisah Todd Bol sebagai inspirasi dalam menyemai budaya membaca. Usaha Todd Bol membina perpustakaan mini di sebuah pekan kecil, Wisconsin pada tahun 2009 berjaya dikembangkan konsepnya di seluruh dunia seperti Pakistan dan Ukraine.

Usaha berterusan memartabat ilmu perlu diteruskan generasi kini. Tambahan kini, segala maklumat berada di hujung jari maka seharusnya dimanfaatkan sebaiknya. Masyarakat yang berjaya sentiasa mendampingi buku dalam membudayakan keilmuan demi membangun negara.

Marilah bersama menerapkan budaya cintakan ilmu serta mempertingkatkan status sosioekonomi demi membawa Malaysia ke arah lebih baik.

 **Firdaus Azahari,**
Fakulti Pengajian Bahasa
Utama USIM.